

FIQH BOYCOTT ON LGBT COMMUNITY: A REVIEW

FIQH BOIKOT TERHADAP GOLONGAN LGBT: SATU SOROTAN

Sharul Fitry Abdul Majid¹, Wan Mohd Khairul Firdaus Wan Khairuldin² & Muhammad Talhah Ajmain @ Jima'ain³

¹ (Corresponding author). Sarjana Syariah, Fakulti Pengajian Kontemporari Islam, Universiti Sultan Zainal Abidin. sharul.boom95@gmail.com

² Pensyarah Kanan, Pusat Pengajian Syariah, Fakulti Pengajian Kontemporari Islam, Universiti Sultan Zainal Abidin. wmkfirdaus@gmail.com

³ PhD, Akademi Tamadun Islam, Universiti Teknologi Malaysia. mtalhah.uda@gmail.com

Vol. 6. No. 2
Special Edition
(SKESA) 2019

Abstract

The issue of LGBT between matters discussed in Malaysia is either from the jurisdiction or the law. This paper concept analyzes some past studies about LGBT. It is studied from the point of understanding a Muslim to LGBT and the concept of da'wah using a boycott method. This article uses library method and document analysis. Recent studies in general show that there is an impact on da'wah method using the boycott to issues in Malaysia as well as abroad. The results of this study are expected to provide understanding of the principle of being a Muslim to LGBT and clarity on the fiqh boycott.

Keywords: LGBT, Issues, Understanding, Fiqh, Boycott.

Abstrak

Isu LGBT antara perkara yang dibincangkan di Malaysia sama ada dari sudut fiqh atau undang-undang. Kertas konsep ini menganalisa beberapa kajian lepas tentang LGBT. Ia dikaji dari sudut kefahaman seorang Muslim terhadap LGBT dan konsep dakwah menggunakan kaedah boikot. Artikel ini menggunakan kaedah kepustakaan dan analisis dokumen. Kajian lepas secara umum memperlihatkan ada kesan kepada kaedah dakwah menggunakan boikot kepada isu-isu di Malasia juga diluar negara. Hasil kajian ini diharapkan memberi kefahaman prinsip sebagai seorang muslim terhadap LGBT serta kejelasan terhadap fiqh boikot.

Kata kunci: LGBT, Isu, Kefahaman, Fiqh, Boikot.

PENDAHULUAN

Peringkat awal kewujudan golongan lesbian, gay, biseksual, transgender (LGBT) di Malaysia bermula dengan kewujudan pondan dan mak nyah sekitar tahun 1980-an. Persidangan Majlis Raja-

Raja kali ke-126 pada 13 Disember 1989 telah memfatwakan LGBT sebagai perlakuan yang haram untuk diamalkan sebagai gaya hidup. Rentetan dari pewartaan fatwa ini telah menghalang mana-mana individu membuat

permohonan menukar jantina pada dokumen pengenalan diri (Mahfudzah Mohamad, 2015).

Masyarakat Malaysia sangat sensitif dengan gaya hidup yang menyalahi tuntutan agama dan tatasusila budaya timur apatah lagi dengan perlakuan yang menyalahi tabi'e manusia. Oleh itu, golongan LGBT mendapat kecaman hebat dalam kalangan masyarakat Islam Malaysia. Kajian oleh Mahfudzah Mohamad (2015) menunjukkan statistik tangkapan yang dijalankan oleh Pegawai Penguatkuasa Agama seluruh Malaysia semakin meningkat. Hal ini jelas menunjukkan bahawa perlakuan dan gaya hidup LGBT ini tetap berkembang dan kini menjadi semakin kompleks.

Pelbagai tindakan tegas dan penguatkuasaan undang-undang telah di ambil dan diperketatkan. Namun, masyarakat secara umum juga boleh menyumbang, antaranya dengan melaksanakan gelombang boikot keatas golongan LGBT ini, berdasarkan kajian lepas yang dilihat memberikan kesan sedikit sebanyak. Justeru, diharapkan kertas kerja mampu memberikan pencerahan terhadap isu LGBT ini suatu hal kebajatan sosial yang serius, apakah prinsip Islam berhadapan dengan LGBT ini dan apakah usaha boikot terhadap golongan LGBT ini diharuskan dan memberi kesan kepada golongan ini.

ISTILAH LGBT

Menurut Marbawi (2006) dan Brill (1983), LGBT adalah singkatan bagi lesbian, gay, biseksual dan transeksual. Dalam Mastuti (2012), sesetengah pihak menambah akronim ini kepada LGBTIQ, di mana I untuk intersex dan Q untuk queer. Terdapat dua pendapat mengenai huruf T dalam LGBT sama ada merujuk kepada transeksual ataupun transgender.

Menurut Blanch Consulting (2003) dan Marzuki Nor (2011), lesbian merupakan perempuan yang mempunyai tarikan seksual terhadap perempuan yang lain. Gay pula ialah lelaki yang mempunyai tarikan seksual terhadap lelaki yang lain. Sementara itu, biseksual merujuk kepada seseorang yang

mempunyai tarikan seksual terhadap lelaki dan perempuan. Manakala, transeksual ialah seseorang yang berperasaan dan berpenampilan sebagai anggota jantina yang berlainan, dan kadang-kadang menukar organ jantintanya melalui pembedahan, suntikan hormon dan banyak lagi.

Enizahura Abdul Aziz (2012) menyimpulkan bahawa golongan LGBT dapat diklasifikasikan kepada individu-individu yang memilih orientasi kehidupan seksual sesama jantina dan mereka yang bertindak menukar jantina, menyerupai ciri-ciri fizikal dan seksual seperti gender yang berlawanan dengan gender asal mereka. Oleh itu, definisi LGBT yang dipilih bagi kajian ini adalah golongan yang mempunyai tarikan seksual sesama jantina atau kedua-dua jantina sekaligus serta golongan yang berpewatakan berlawanan dengan jantina mereka.

DALIL PENGHARAMAN PERLAKUAN LGBT DARI PERSPEKTIF ISLAM

Sesungguhnya Allah SWT menjadikan makhluk berpasang-pasangan dan fitrahnya akan tertarik kepada jantina yang berlainan. Peraturan dan fitrah ini tidak hanya ditentukan kepada manusia, malah kepada binatang dan tumbuh-tumbuhan. Tidak pernah berlaku dalam sejarah, haiwan mendatangi jantina sesama jenis begitu juga tumbuh-tumbuhan. Tetapi sejarah manusia melakarkan perbuatan tidak bermoral dan melanggar fitrah ini sepertimana yang berlaku di zaman Nabi Luth a.s. sehingga Allah SWT menurunkan bala kepada kaumnya (Zulkifli Mohamad, 2019).

Hari ini, sejarah kembali berulang yang mana perlakuan tersebut dianggap normal dan diterima oleh masyarakat. Malah, sesetengah negara seperti Amerika Syarikat telah mengiktiraf perkahwinan sejenis dan perkara ini disambut baik oleh komuniti LGBT di seluruh dunia (Danial Ariff Shaari, 2018).

Berdasarkan dalil dari sumber utama dan rujukan muslim terhadap perlakuan LGBT ini adalah haram di sisi Islam adalah seperti berikut:

1. Bermaksud "Dan Nabi Luth ketika ia berkata kepada kaumnya: Patutkah kamu melakukan perbuatan keji, yang tidak pernah dilakukan oleh seorang pun di dunia ini? Sesungguhnya kamu mendatangi lelaki untuk memuaskan nafsu mu bukan kepada wanita, bahkan kamu ini adalah kaum yang melampaui batas" (al-Quran. al-A'raf: 80-81).
2. Al-Quran Surah al-Syu'ara, ayat 165-166, bermaksud "Patutkah kamu melakukan hubungan jenis dengan lelaki dari kalangan manusia? Dan kamu tinggalkan apa yang diciptakan oleh tuhan kamu untuk kamu (melakukan hubungan yang halal) dari badan isteri-isteri kamu? Kamu orang-orang yang bersalah, bahkan kamu ialah kaum yang melampaui batas (keinginan kebanyakan haiwan)" (al-Quran. al-Shu'ara': 165-166).
3. Hadis Riwayat Ibnu Abbas "Siapa saja yang engkau dapati mengerjakan homoseksual maka bunuhlah kedua-dua pelakunya" (Hadis riwayat Abi Daud, Sunan Abi Dawud, Kitab al-Hudud, no. 4462).
4. Hadis dari Abu Hurairah (r.a) berkata "Rasulullah SAW melaknat lelaki yang memakai pakaian wanita dan wanita yang memakai pakaian lelaki" (Hadis riwayat Abu Dawud, Kitab al-Libas, Bab Pada Pakaian Wanita, no. 3575).
5. Hadis Ibnu Abbas "Allah SWT melaknat sesiapa saja yang melakukan perbuatan kaum Luth, (baginda mengulanginya tiga kali)" (Hadis riwayat Ahmad dalam al-Musnad, no. 2913).
6. Diriwayatkan daripada Imam al-Baihaqi dari Abi Musa al-Asy'ari (r.a), sesungguhnya Rasulullah SAW bersabda: "Apabila seseorang lelaki mendatangi lelaki maka mereka berdua berbuat zina, dan apabila seorang wanita mendatangi wanita maka mereka berbuat zina" (Hadis riwayat al-Bayhaqi dalam Su'ab al-Iman, no. 5075).
7. Diriwayatkan daripada Al-Tabrani, "Tidaklah seorang wanita itu bersedap-sedapan dengan seorang wanita melainkan mereka adalah berzina, dan tidaklah seorang lelaki bersedap-sedapan dengan seorang lelaki melainkan mereka juga (sedang) berzina (Hadis riwayat al-Tabarani dalam al-Mu'jam al-Awsat, no. 4157).
8. Daripada Ibn Abbas RA, riwayat Bukhari berkata: "Rasulullah SAW melaknat lelaki yang menyerupai perempuan dan perempuan yang menyerupai lelaki" (Hadith al-Bukhari, Kitab al-Libas, Bab lelaki menyerupai perempuan perempuan menyerupai lelaki, no. 5435).
9. Daripada Ibnu Abbas, riwayat Bukhari "Nabi SAW mengutuk (melaknat) lelaki yang bersifat kewanitaan dan wanita yang bersifat kelakian, dengan sabdanya: "Keluarlah mereka daripada rumah-rumah kamu". Ibn Abbas menambahkan lagi: "Maka Nabi SAW telah mengeluarkan si fulan, dan Umar juga telah mengeluarkan si fulan" (Hadith riwayat al-Bukhari, Kitab al-Libas (Pakaian), Bab Menghalau Keluar Lelaki Yang Menyerupai Wanita Dari Rumah. no. 5436).
10. Daripada Ummu Salamah, riwayat Bukhari "Bahawa Nabi SAW berada di rumahnya dan terdapat di sebuah rumah seseorang yang berkelakuan wanita. Maka Nabi SAW berkata kepada saudara Ummu Salamah iaitu 'Abd Allah bin Abi Umayyah: "Jika Allah membebaskan Ta'if bagi kamu pada esok hari, maka akan aku tunjukkan pada kamu rumah Binti Ghaylan, yang datang dengan empat dan pergi dengan lapan anggota". Maka sabda Nabi SAW: "Jangan sekali-kali mereka itu masuk ke dalam rumah-rumah kamu" (Hadith riwayat al-Bukhari dalam sahihnya, Kitab al-Nikah, Bab Ma Yunha Min Dukhul al-Mutashabbihin Bi al-Nisa' Ala al-Mar'ah. No. 4834).
11. Ijmak ulama bersepakat bahawa perlakuan lesbian, gay, biseksual adalah termasuk dalam dosa besar dan pelakunya wajib bertaubat.

Ulama juga sependapat bahawa homoseksualiti suatu jenayah yang boleh dikenakan hukuman demi menjaga kepentingan diri dan masyarakat. Walau bagaimanapun, perbezaan pandangan timbul mengenai bentuk hukuman sama ada hudud atau dibuang negeri.

Islam memandang isu melakukan perubahan kepada diri atau badan sebagai perkara yang bercanggah dengan agama Islam. Pembedahan untuk menukar jantina sama ada daripada lelaki kepada perempuan atau sebaliknya jelas bercanggah dengan hukum syarak. Perbuatan ini adalah haram kerana ia semata-mata mengikut hawa nafsu, terpedaya dengan godaan syaitan, tidak mensyukuri nikmat kejadian diri dan termasuk dalam kategori mengubah kejadian Allah SWT.

Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia (MKI) telah mengeluarkan beberapa fatwa berkaitan Perlakuan LGBT ini, antaranya ialah:

Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Agama Islam Malaysia yang bersidang Kali Ke-4 pada 13 hingga 14 April 1982 telah membincangkan pertukaran jantina dari lelaki kepada perempuan dan memutuskan bahawa:

- a) Pertukaran jantina dari lelaki kepada perempuan atau sebaliknya melalui pembedahan adalah haram di sisi syarak.
- b) Seseorang yang dilahirkan lelaki, hukumnya tetap lelaki walaupun ia berjaya ditukarkan jantainya melalui pembedahan.
- c) Seseorang yang dilahirkan perempuan, hukumnya tetap perempuan walaupun ia berjaya ditukarkan jantainya melalui pembedahan.
- d) Seseorang yang dilahirkan 'khunsa musykil' iaitu manusia yang dilahirkan mempunyai dua alat kemaluan lelaki dan perempuan, diharuskan melakukan pembedahan bagi mengekalkan salah satu alat jantina yang benar-benar berfungsi

dan dapat digunakan mengikut keadaan yang sesuai.

Setelah melihat beberapa sumber di atas berkenaan hukum pengharaman LGBT, maka dapatlah dirumuskan bahawa terdapat 2 dalil daripada al-Quran, 8 dalil daripada hadis adalah bertaraf sahih, dan 1 ijihad daripada jawatankuasa fatwa kebangsaan. Keseluruhan dalil di atas, rasulullah menceritakan secara spesifik, perlakuan dan tindakan yang dipanggil LGBT, agar kita tidak mengikutinya dan jelas perbuatan tersebut diharamkan dalam Islam apabila adanya kalimah "dilaknat".

Berdasarkan pandangan ulama bahawa hadith sahih dapat dijadikan hujah agama, maka kesemua hadith yang sahih jelas melarang perlakuan LGBT yang ternyata mengundang kemurkaan Allah SWT dan laknat oleh Nabi SAW. Ilmuan dan pengamal LGBT Muslim semestinya menginsafi, bahawa segala persepsi mereka kononnya Nabi SAW tidak pernah mengeluarkan hadith yang melarang perlakuan LGBT adalah salah.

Bahkan Nabi s.a.w. sekali-kali tidak akan berkompromi dengan perlakuan yang jelas dikeji dan dilarang oleh Allah SWT. Apatah lagi perihal perlakuan dan azab yang menimpa umat Nabi Luth dinyatakan oleh Allah SWT di dalam al-Qur'an sebanyak 18 kali, meliputi kisah Nabi Luth dan kaumnya serta petunjuk mengenai perlakuan keji umat Nabi Luth (al-Khalidi, 2007).

Berkenaan larangan perlakuan transgender, adalah thabit dari hadith sahih yang telah dikemukakan sebelum ini, kerana ternyata golongan ini telah wujud pada zaman Nabi SAW dan bagaimana petunjuk yang diberikan oleh Nabi SAW dalam menangani mereka, adalah dengan memberi mesej, "*Jangan berpakaian sepereti mereka*", "*Keluarlah mereka daripada rumah-rumah kamu.*", "*Jangan benarkan mereka masuk ke rumah kamu*".

Ia memberikan kepada kita kefahaman supaya melakukan tindakan yang menunjukkan bahawa kita tidak redha dan selesa dengan tindakan mereka, antaranya dengan memboikot

kegiatan mereka.

FIQH BOIKOT

Fiqh dari segi bahasa ialah pengetahuan, pemahaman dan pengertian terhadap sesuatu secara mendalam. Manakala dari segi istilah ialah ilmu berkaitan hukum hakam syarak yang bersifat amali yang diambil dari dalil-dalil *tafsili* (Al-Jurjani, 2011).

Perkataan boikot pula berasal daripada perkataan Bahasa Inggeris 'boycott' yang diambil daripada nama seorang ejen ladang di Ireland bernama Captain Charles Cunningham Boycott. Captain Boycott mengenakan kutipan sewa yang tinggi hingga menimbulkan kemarahan masyarakat Irish lalu mereka memulaukan dan enggan menuai hasil dari ladangnya (Grolier Academic Encyclopedia, 1987).

Boikot juga bermaksud tekanan atau paksaan yang dilakukan oleh sekumpulan manusia atau peniaga untuk menghentikan urusan sosial atau kewangan antara individu, syarikat atau negara (Harver World Encyclopedia, 1978).

Oleh itu, definisi Fiqh Boikot yang dipilih dalam konteks kajian ini ialah pengetahuan tentang hukum suatu pemuluan yang dilakukan oleh individu atau masyarakat terhadap golongan LGBT yang giat mempromosikan fahaman mereka yang berlawanan dengan agama Islam serta norma masyarakat di Malaysia.

LATAR BELAKANG KAJIAN

Menurut Mohd Aizam Mas'od (2012), pada hari ini terdapat pelbagai fahaman yang bercanggah dengan fitrah manusia telah timbul di Malaysia. Antaranya fahaman liberalisme, sekularisme, hedonisme, fahaman yang memperjuangkan LGBT dan sebagainya.

Golongan LGBT misalnya merupakan golongan manusia yang memilih orientasi kehidupan seksual sesama jantina atau bertindak menukar jantina, menyerupai ciri-ciri fizikal dan seksual seperti jantina yang berlawanan dengan jantina asal mereka (Enizahura Abdul Aziz, 2012).

Situasi sebegini amat membimbangkan kerana fahaman-fahaman ini jika disebarikan tanpa sebarang tapisan boleh membawa kesan negatif terhadap akidah dan moral umat Islam. Oleh itu, Islam telah menetapkan satu kaedah dan penyelesaian di dalam al-Quran bagi menangani permasalahan ini iaitu kaedah *amar ma'ruf nahi mungkar* (Mustaffa Abdullah, 2010).

Kemungkaran yang paling membimbangkan berlaku di Malaysia antaranya ialah perlakuan sumbang LGBT. Gerakan LGBT di negara ini semakin berani dan agresif sehingga mencetuskan satu fenomena yang agresif (Norihan Zakaria & Zain Dollah, 2012).

Menurut Johari Yap (2018), perjuangan golongan LGBT ini bukan sahaja mendatangkan kesan buruk kepada masyarakat akan tetapi mendatangkan kemudaratan yang kritikal khususnya kepada golongan LGBT itu sendiri. Mereka hilang identiti diri yang sebenar dan jati diri sebagai anak bangsa yang bermoral dan berkualiti.

Golongan ini semakin bertindak agresif dengan merancang dan menyusun gerak langkah untuk mendapatkan pengiktirafan terhadap perlakuan mereka. Contoh yang ketara ialah tuntutan oleh Gabungan NGO Hak Asasi Manusia (Comango) kepada kerajaan Malaysia untuk menerima syor-syor mereka dalam Semakan Berkala Sejangat (UPR) tahun 2013 anjuran Majlis Hak Asasi Manusia Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu (PBB) di Geneva, Switzerland (Zainul Rijal, 2018).

Menurut Izzat Amsyar (2018), antara tuntutan Comango yang berkaitan dengan golongan LGBT ialah mereka menuntut supaya Malaysia menerima Hak SOGI (Sexual Orientation & Gender Identity); iaitu pengiktirafan orientasi seksual LGBT sebagai hak-hak asasi manusia sejagat. Bukan itu sahaja, Comango turut meminta kerajaan Malaysia untuk meminda meminda seksyen 377A Kanun Keseksyen berhubung jenayah liwat atas alasan bahawa jenayah liwat merupakan undang-undang yang tidak relevan dan

ketinggalan zaman.

Malahan, Comango turut mendesak supaya Enakmen Kesalahan Jenayah Syariah di negeri-negeri seluruh Malaysia dimansuhkan dan pindaan terhadap kesalahan-kesalahan jenayah syariah kerana didakwa bertentangan dengan hak kebebasan peribadi.

Di samping itu, kini golongan ini sering kelihatan berkempen secara terbuka dengan menganjurkan pelbagai himpunan, persidangan dan program. Antaranya, yang terkini namun mendapat bantahan awal dan meluas, iaitu persidangan Promosi LGBT, yang bakal berlangsung di Malaysia, pada 3-4 ktober 2019 (JAKIM, 2019).

Berikutnya, Himpunan Seksualiti Merdeka pada 1 hingga 13 November 2011 yang melibatkan kira-kira 20 pertubuhan bukan kerajaan (NGO) dan individu (Azhari Zainooddin & Aimy Ahmad, 2011). Himpunan ini dilakukan bagi menuntut hak kesaksamaan gender serta mengiktiraf pengamal seks songsang seperti LGBT untuk mengamalkan gaya hidup pilihan mereka secara sah dan terbuka (Nasrudin Hassan, 2011).

Bukan itu sahaja, mereka turut mempromosi dan menyebarkan fahaman mereka dalam Festival Georgetown 2018 yang dianjurkan oleh kerajaan negeri Pulau Pinang dengan memaparkan dua poster aktivis LGBT sebagai ikon dalam program berkenaan (Mohd Iskandar Othman, 2018).

Malah lebih teruk lagi, agenda membawa gaya hidup LGBT ini mula dibawa ke arus perdana apabila majalah *National Geographic* edisi 2017 mempromosinya sebagai trend terkini (Rafidah Hanim Mokhtar, 2017). Selain itu, golongan ini juga turut aktif mempromosikan agenda mereka di alam maya. Mereka membina jaringan disebabkan oleh kemudahan dan keterbukaan yang terdapat dalam media sosial seperti *Facebook*, *Youtube* dan *Twitter* (Kamal Azmi Abd Rahman, 2015).

Bahkan terkini, "Rancangan Let's Talk" Astro Awani secara langsung pada 14 Mei 2019 dikatakan bakal

menampilkan pejuang LGBT Numan Afifi di kaca TV seluruh Malaysia tempoh hari. Rancangan ini walaubagaimanapun ditangguhkan tanpa notis yang jelas (Fazallah Pit, 2019).

Golongan ini tetap meningkat setiap tahun. Menurut Mohamad Fakhri Mohd Ali (2018), JAKIM mendedahkan populasi komuniti gay direkodkan meningkat hampir 100%, iaitu seramai 310,000 individu pada tahun 2018, berbanding 173,000 individu pada tahun 2013. Manakala, golongan transgender pula merekodkan peningkatan kepada 30,000 individu pada tahun 2018, berbanding seramai 10,000 pada 1988 lalu.

Kesan daripada peningkatan populasi golongan LGBT ini bukan sahaja mendatangkan masalah dari aspek sosial, akan tetapi turut menyumbang masalah dari aspek kesihatan. Kajian yang telah dilakukan oleh Kementerian Kesihatan menunjukkan 50 % daripada kes baru HIV yang direkodkan pada 2017 adalah berpunca dari aktiviti homoseksual dan biseksual.

Kadar kes melibatkan golongan LGBT ini meningkat dengan mendadak setiap tahun daripada hanya 63 kes pada tahun 2000 kepada 1,697 kes pada tahun 2017 (Ridauddin Daud, 2018). Kes ini tidak mustahil akan meningkat dari tahun ke tahun sekiranya golongan LGBT ini semakin mendapat tempat di Malaysia.

Oleh sebab itu, kemungkaran ini tidak boleh dibiarkan begitu sahaja, sebaliknya memerlukan usaha untuk mencegahnya supaya tidak mendatangkan pelbagai kemudaratan dan masalah kepada keharmonian bangsa, agama dan negara. Pelbagai pendekatan dan kaedah pencegahan kemungkaran yang boleh dilakukan.

Antaranya adalah melalui kaedah pemboikotan. Justeru itu, kefahaman dan ilmu dalam melaksanakan boikot yang dinamakan sebagai Fiqh Boikot ini amat perlu bagi memastikan boikot yang dilakukan bertepatan dengan Islam dan mendatangkan kesan dan nilai yang positif kepada masyarakat.

Konsep Pemboikotan

Secara umumnya, boikot merupakan suatu paksaan atau tekanan yang dilakukan oleh individu atau sekumpulan manusia. Tekanan tersebut dilakukan untuk menghentikan urusan sosial dan kewangan antara individu, syarikat atau negara.

Pelbagai jenis pemboikotan telah dilaksanakan sebagai tanda protes dan memberikan tekanan kepada pihak yang diboikot. Misalnya pelaksanaan boikot dengan menfokuskan tentang isu boikot terhadap terhadap barangan Israel. Seterusnya, terhadap barangan Amerika Syarikat dan pemboikotan terhadap syarikat atau pihak yang tidak bermoral dan melanggar etika. Pemboikotan dilaksanakan bukan kerana faktor tempat, individu atau syarikat tertentu. Akan tetapi pemboikotan dilakukan kerana faktor-faktor lain yang mengundang pemboikotan untuk dilaksanakan.

Kajian oleh Badriyah (2009) dan Aisyah Zakaria *et al.* (2015) merumuskan bahawa hukum pemboikotan adalah tidak wajib dilaksanakan tetapi hanya anjuran dan galakan. Aisyah Zakaria (2015) menyimpulkan tiada bukti yang kukuh akan penglibatan McDonalds dalam memerangi umat Islam dan dasar hukum berjual beli dengan orang bukan Islam termasuk Yahudi adalah harus. Bukan itu sahaja, pemboikotan ini hanya memberi sedikit kesan negatif kepada guna tenaga dan pengangguran, malah memberi kesan positif terhadap industri yang berasaskan pertanian dan penternakan.

Begitu juga dengan kajian Anas Yunus (2013) merumuskan bahawa pemboikotan terhadap *Kentucky Fried Chicken* (KFC) adalah tidak praktikal menurut *Fiqh al-Waqi'* kerana mendatangkan kesusahan kepada masyarakat Islam di Malaysia. Dapatan daripada Heri Sudarsono (2008) yang mengkaji berkenaan pemboikotan yang berlaku di Indonesia juga adalah lebih kearah tidak memboikot barangan Amerika syarikat. Hal ini kerana Indonesia mempunyai kebergantungan yang tinggi terhadap produk Amerika

Syarikat dan akan menjejaskan ekonomi negara sekiranya boikot dilaksanakan.

Berbeza pula menurut kajian Anas Yunus & Najihah Abd Wahid (2017) yang menyimpulkan hukum boikot barangan Israel dan sekutunya menurut perspektif *Fiqh al-Jihad* adalah fardu ain ke atas setiap umat Islam. Malahan, kesan pemboikotan Produk Israel telah menyebabkan pasaran ekonomi Israel terjejas hingga Israel mengadu kepada Persatuan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) untuk mendapatkan bantuan.

Manakala menurut kajian Atriadi (2012), hukum boikot produk Israel dan Amerika Syarikat boleh berubah daripada sunat kepada wajib apabila pemerintah mengarahkan untuk berbuat demikian.

Majlis Agama Islam Selangor (2015) pula mendapati bahawa pemboikotan terhadap produk-produk Israel dan sekutunya merupakan tindakan paling berkesan yang dapat dilakukan. Hal ini disebabkan pemboikotan ini menyebabkan Israel mengalami kerugian besar sepertimana yang dilaporkan di dalam Akhbar Yedioth Ahronoth bertarikh 3 Februari 2014. Oleh itu, berdasarkan beberapa kajian lepas ini boleh disimpulkan bahawa boikot merupakan perkara ijtihad dan mempunyai hukum yang tidak tetap serta berubah-ubah. Perbezaan hukum boikot ini adalah disebabkan terdapatnya perbezaan suasana, keadaan, tempat, kesan dan sudut pandang yang berbeza.

Berdasarkan tema kajian ini, telah terdapat banyak kajian tentang pemboikotan yang melibatkan syarikat, produk dan barangan daripada Israel dan Amerika Syarikat. Terdapat golongan yang menerima dan melaksanakan pemboikotan ini, malah, terdapat juga golongan yang menolak atas sebab dan hujah-hujah tertentu. Walau bagaimanapun, kajian yang dilakukan hanya melibatkan pemboikotan terhadap barangan orang kafir.

Masih tidak terdapat kajian berkaitan pemboikotan terhadap individu tertentu, bahkan tidak ada kajian yang melihat secara langsung pemboikotan terhadap golongan LGBT

dan produk yang dikeluarkan oleh mereka secara khusus. Oleh itu, kajian ini penting terutama dalam menjelaskan pemboikotan terhadap golongan LGBT menurut perspektif Islam. Hal ini merupakan satu kelompongan yang perlu diisi dalam menjalankan kajian mengenai pemboikotan terhadap golongan LGBT dan pelaku maksiat secara terang-terangan di Malaysia.

KAJIAN LEPAS BERKAITAN GOLONGAN LGBT

Kajian lepas ada yang menfokuskan kepada golongan LGBT, ada juga menfokuskan kepada golongan Lesbian dan Gay atau nama lainnya homoseksual, seterusnya pula ada kajian yang menfokuskan kepada golongan *transgender* dan *transeksual*.

Secara umumnya, kajian-kajian ini mempunyai titik persamaan bahawa perlakuan golongan LGBT ini merupakan suatu cara hidup yang songsang dan berlawanan dengan fitrah dan norma manusia. Bukan itu sahaja, perlakuan LGBT ini boleh mengganggu keharmonian dan menjejaskan sistem sosial masyarakat.

Terdapat kajian yang menjelaskan bahawa gejala LGBT ini sudah merebak dan menjadi suatu fenomena di Malaysia. Pelbagai tuntutan telah dilakukan oleh golongan LGBT atas nama hak asasi manusia dan demi mengiktiraf kewujudan mereka. Buktinya, pemaparan isu LGBT pada masa kini semakin kerap dibincangkan dalam media cetak, elektronik mahu pun media baharu (Yusof Helmy Ramli *et al.*, 2017).

Kesannya, kajian oleh Ahmad *et al.* (2015) yang mengkaji tentang gaya hidup golongan *lesbian* mendapati fenomena yang tidak baik ini menyebabkan mereka bahagia dengan cara gaya hidup mereka. Mereka diterima serta berhubung baik dengan komuniti lesbian dan tidak peduli serta mengambil berat terhadap kritikan masyarakat. Hal ini menyebabkan kemungkinan mereka untuk kembali pulih mengikut norma yang sebenar agak rendah.

Terdapat juga kajian lepas yang dijalankan, menjelaskan perbincangan

berkaitan dengan faktor-faktor berlakunya gejala LGBT. Kajian oleh Hayati Megat (2015) menjelaskan gejala kecelaruan identiti ini berlaku disebabkan dua faktor iaitu faktor masa silam dan faktor perasaan. Faktor masa silam seperti hubungan dengan ibubapa dan faktor perasaan pula seperti pandangan terhadap diri yang berasa selesa dengan penampilan yang berlawanan dengan jantinya.

Manakala, dalam kajian Norihan Zakaria & Zain Dollah (2012) menjelaskan terdapat dua faktor utama teretusnya gejala LGBT iaitu faktor semulajadi kejadian manusia seperti *khunsa* dan faktor yang dibentuk seperti psikologi, didikan dan persekitaran. Nek Mah Batria *et al.* (2016) pula mendapati faktor-faktor penyebab berlakunya homoseksual bukan sahaja bergantung kepada faktor-faktor persekitaran sahaja tetapi disebabkan faktor pemakanan dan pengambilan ubatan-ubatan.

Menurut kajian Ahmad *et al.* (2015), tiga faktor utama remaja terlibat dengan gejala lesbian adalah lemah dalam amalan keagamaan, faktor keluarga dan rakan-rakan serta faktor pasangan sejenis yang memahami antara satu sama lain. Perkara ini sejajar dengan kajian oleh Jabatan Agama Islam Selangor (2016) yang mengatakan didikan agama merupakan asas terbesar dalam mendidik jiwa dan diri manusia agar terpuji kearah kebenaran dan tidak berlawanan dengan fitrah kejadian.

Manakala, kajian oleh Sulaiman *et al.* (2017) mendapati bukan sahaja faktor kurangnya penghayatan agama yang menjadikan seseorang itu LGBT, tetapi faktor masyarakat, kerja, seks, dan faktor diri sendiri turut menyumbang perlakuan sedemikian. Oleh itu, berdasarkan beberapa kajian lepas ini boleh disimpulkan bahawa faktor utama yang menyebabkan gejala LGBT adalah faktor keluarga, persekitaran, dan kurangnya penghayatan terhadap agama.

Amran Hassan & Noriah Mohamed (2014) serta Sulaiman *et al.* (2017) menyatakan bahawa pendekatan kaunseling dan pendekatan kembali kepada ajaran agama dapat membantu

golongan LGBT ini ke pangkal jalan. Oleh itu, masyarakat dan agamawan perlulah peka atas isu-isu LGBT lantas membuat persediaan bagi mencegahnya berlandaskan syariat dan perspektif agama (Jabatan Agama Islam Selangor, 2016).

Manakala, Marziana Abd. Malib & Sofiah Mustafa (2014) dan Mahfudzah Mohamad (2015) pula mencadangkan penyelesaian dari sudut penguatkuasaan perundangan dan perlembagaan negara. Contohnya, sekatan undang-undang untuk menjalani pembedahan perubahan jantina, perundangan kecil yang lebih teliti dan spesifik, pindaan undang-undang syariah serta pindaan undang-undang sivil. Selain itu, perlakuan golongan LGBT ini harus dikawal dan dicegah melalui pelaksanaan undang-undang jenayah syariah di Malaysia.

Manakala, Kumarashwaran (2015) pula mencadangkan agar semua pihak harus bekerjasama untuk terus menyediakan perkhidmatan sosial berbentuk penyebaran maklumat atau pengetahuan berkaitan HIV/AIDS bagi membantu golongan belia transgender berhadapan dengan cabaran kehidupan yang lebih positif.

Begitu juga dengan dapatan oleh Yusof Helmy Ramli *et al.* (2017) serta Musa Yusuf Owoyemi & Zaharuddin Sabri (2014) yang menyatakan perlunya program-program seperti seminar, tayangan filem, kempen di radio dan televisyen untuk memberi kesedaran dan pengetahuan tentang bahayanya fahaman golongan LGBT ini.

Justeru, boleh disimpulkan bahawa terdapat banyak kajian yang menjelaskan tentang definisi LGBT menurut pelbagai perspektif, sejarah dan perkembangan golongan LGBT, punca dan faktor berlakunya gejala ini serta cara untuk menanganinya.

Pelbagai solusi yang telah dicadangkan dalam kajian-kajian lepas tiada satu pun yang menyebut mengenai pemboikotan golongan LGBT. Hal ini merupakan satu kelompondan yang perlu diisi kerana pemboikotan merupakan salah satu daripada langkah pencegahan maksiat.

Kajian-Kajian Lepas Berkaitan Pendekatan Dakwah Ke Atas Golongan LGBT

Kajian berkaitan dengan pendekatan dakwah kepada lapisan masyarakat. Pendekatan yang dimaksudkan ialah arah atau hala tuju dan cara yang diambil untuk menuju kepada sesuatu sasaran. Kajian sebelum ini, ada menfokuskan pendekatan dakwah kepada orang yang baru memeluk Islam atau dikenali sebagai golongan muallaf.

Seterusnya, kajian yang menyentuh berkenaan pendekatan dakwah kepada golongan yang bermasalah khususnya remaja berisiko. Ada pengkaji mengkaji berkenaan pendekatan dakwah kepada golongan bermasalah tetapi khusus kepada golongan LGBT tiada, hanya diletak secara umum. Berikutnya, ada juga kajian terhadap dakwah kepada banduan penjara dan juga dakwah terhadap Orang Kurang Upaya (OKU) serta kepada orang asli.

Oleh itu, berdasarkan beberapa kajian lepas ini boleh disimpulkan bahawa setiap sasaran mempunyai sifat dan tabiat yang berbeza dan memerlukan pendekatan yang berbeza. Justeru itu, kajian mengenai pendekatan dakwah juga berbeza mengikut kepada golongan lapisan masyarakat yang berbeza.

Abdul Ghafar Don dan Ahmad Irdha Mokhtar (2017) menyatakan bahawa golongan muallaf terdedah kepada cabaran dan masalah dalaman dan luaran. Cabaran dalaman seperti kesukaran menyesuaikan diri dengan Islam manakala cabaran luaran seperti penyisihan oleh keluarga, hilang pekerjaan dan banyak lagi.

Penyelesaiannya dinyatakan oleh Abd Hadi Baharom (2016) yang menjelaskan bahawa umat Islam perlu berhikmah dalam berdakwah kepada muallaf dan memudahkan urusan mereka dari pelbagai sudut. Pendekatan Rasulullah SAW yang menitikberatkan aspek *al-tadarruj* atau penyampaian ajaran Islam secara bertahap dan beransur-ansur harus digunakan kepada golongan muallaf ini.

Manakala menurut Razaleigh

Muhamat (2013), terdapat enam pendekatan yang pernah dilalui oleh Rasulullah SAW terhadap saudara baru ini. Pendekatan tersebut terdiri daripada pendekatan individu, pendidikan dan tarbiah, penawaran sesuatu apabila menerima Islam, pengiriman mujahid dakwah ke pelbagai tempat, penghantaran surat dan pendekatan perbincangan.

Oleh sebab itu, menurut Ahmad Redzuwan Mohd Yunus dan Che Yusoff Che Mamat (2003) pendekatan dakwah yang dilakukan oleh pertubuhan Persekutuan Muslimin Indo-Malaysia (PERMIM) adalah dalam batasan yang agak sederhana dan tidak menyeluruh. Terdapat beberapa aktiviti dan metode dakwah lain yang boleh dilakukan bukan sahaja pendekatan dakwah melalui pendidikan, ekonomi, media dan kegiatan sosial.

Dapatan daripada tinjauan Huzairi Awang *et al.* (2015) pula mendapati bahawa golongan bermasalah pendengaran amat lemah dalam penguasaan fardu ain. Perkara ini disebabkan mereka sukar untuk mengikuti perkembangan agama kerana tiada tumpuan daripada institusi agama khususnya pengurusan masjid dalam usaha dakwah kepada golongan ini.

Di samping itu, Fariza Md Sham dan Azyyati Nazim (2015) menjelaskan terdapat tiga kaedah dalam menangani permasalahan remaja berisiko. Kaedahnya adalah bimbingan jiwa, bimbingan secara berkelompok dan bimbingan keluarga dan perkahwinan.

Manakala dapatan Noor Hafizah Haridi *et al.* (2016) menyatakan terdapat lima metodologi dakwah yang sesuai digunakan bagi kumpulan LGBT iaitu metodologi *dakwah bi al-hal*, hiburan, pembinaan sosial, pendekatan psikologi dan pembangunan sahsiah.

Menurut Khairul Hamimah Jodi *et al.* (2015), Zainudin Hashim *et al.* (2015), Munir Ismail & Zulaiha Tajuddin (2016), dan Nurulain Rahim & Razaleigh Muhamat (2018) pula, menerangkan kaedah pendekatan dakwah melalui halaqah atau usrah serta tidak terhad kepada ceramah, kursus dan seminar

mendorong seseorang berbuat baik dan berubah menjadi insan mulia.

Akhir sekali, dapatan kajian Abd Aziz Mohd Zin (2008) menyatakan betapa pentingnya pendekatan dakwah kepada orang Islam dan bukan Islam. Walaupun orang Islam telah beriman kepada Allah SWT, mereka juga tidak dapat lari dari terpengaruh kepada keadaan dan suasana yang kurang baik yang akan menjauhkan mereka dari menjadi muslim yang baik.

Bagi orang bukan Islam pula, mereka perlu didakwahkan dengan pelbagai pendekatan yang dirangka dalam satu manhaj yang lengkap merangkumi cara pendekatan penyampaian yang terbaik, cara penggunaan saluran yang sesuai dan lain-lain. Secara umumnya kesemua kajian mempunyai satu titik persamaan.

Titik persamaan itu adalah tentang betapa pentingnya dakwah dan pendekatan yang dilakukan serta perlunya setiap individu dalam masyarakat bekerjasama dalam melakukan kerja dakwah ini. Titik perbezaan pula dari sudut pendekatan dakwah yang dilakukan mengikut golongan yang didakwahkan.

Ironinya, terdapat banyak kajian yang dilakukan berkenaan pendekatan dakwah kepada masyarakat. Namun, kajian yang dilakukan hanya berkaitan dengan pendekatan dakwah kepada golongan tertentu menurut perspektif Islam dan cabaran bagi melakukan kerja dakwah.

Walaupun ada kajian berkenaan dengan metodologi dakwah terhadap golongan LGBT, tetapi kajian ini tidak menjelaskan berkenaan kaedah dakwah melalui pemboikotan. Justeru, tiada lagi kajian yang dibuat berkaitan pemboikotan terhadap golongan LGBT menurut perspektif Islam. Hal ini merupakan satu kelompongan yang perlu diisi.

Oleh itu menjadi satu keperluan dalam kajian ini untuk membincangkan pemboikotan terhadap golongan LGBT dan produk keluaran mereka sebagai salah satu kaedah dakwah dan pencegahan maksiat.

ANALISIS CADANGAN BOIKOT

Oleh kerana golongan LGBT ini merupakan golongan yang berlawanan dengan norma masyarakat serta tergolong dalam kelompok minoriti, golongan ini ditentang dan ditolak oleh segenap lapisan masyarakat di Malaysia.

Pelbagai cara dan pendekatan dilakukan seperti penganjuran seminar atau forum bahaya LGBT, penguatkuasaan undang-undang, demonstrasi, dan kempen memboikot golongan ini. Semua ini dilakukan bagi menghalang penyebaran dan sebarang promosi terhadap gejala ini.

Jika dilihat dari sudut gelombang pemboikotan LGBT, pemboikotan ini telah dilakukan oleh masyarakat sama ada melalui alam maya mahupun alam realiti. Contohnya, Laman Facebook milik syarikat minyak Shell diserang oleh pengguna media sosial yang membantah kempen syarikat berkenaan mempromosi sokongan terhadap golongan LGBT (Athirah Huda Zalhe, 2017).

Persatuan Jaringan Melayu Malaysia (JMM) juga telah melancarkan kempen boikot syarikat insurans yang menyokong LGBT dengan mengedarkan sejuta risalah bagi memboikot jualan insurans takaful itu di seluruh negara (Izham Jaafar, 2014). Selain itu, satu demonstrasi dan pemboikotan telah diadakan untuk membantah kehadiran dua ikon LGBT Malaysia iaitu Safiey Ilias dan Nur Sajat pada program keusahawanan Mood Republic di Perak (Asliza Musa, 2018).

Bahkan terdapat seruan menghidupkan gelombang pada masyarakat untuk memboikot produk kecantikan yang dikeluarkan oleh selebriti produk kecantikan Safiey Ilias (Amirul Amin, 2018), kerana elemen LGBT turut tersebar secara tidak langsung melalui promosi produk kosmetik yang dimiliki oleh usahawan yang mempunyai jutaan pengikut di media sosial mereka.

"Iklan produk lelaki pondan memakai mahkota, tayang aurat di media sosial sebagai teknik pemasaran bagi melariskan jualan, kini berleluasa tanpa

kawalan pihak berkuasa. Jalan terbaik boikot produk mereka dan sekatan oleh agensi komunikasi" (Fatimah Ishak, 2019).

DAPATAN KAJIAN

Dapatan daripada kajian ini menjelaskan kekuatan dan keberkesanan kaedah boikot perlu diteliti dengan lebih mendalam sebelum melaksanakan pemboikotan terhadap golongan LGBT ini. Kekuatan kaedah boikot ini boleh dilihat melalui sejauhmana kaedah boikot ini boleh mendatangkan kebaikan ataupun mengundang kemudaratan yang lebih besar.

Sekiranya kaedah boikot ini boleh menyedarkan dan mengembalikan golongan LGBT ke jalan yang benar, maka kaedah boikot ini wajar untuk dilaksanakan dengan jitu. Akan tetapi, sekiranya boikot yang dilakukan boleh mengundang keburukan yang lebih besar berbanding kebaikan, perlu difikirkan kaedah lain yang lebih sesuai dan harmoni.

Walau bagaimanapun, setiap lapisan masyarakat perlu berganding bahu menolak gejala LGBT ini daripada disebarkan dan menjadi satu normalisasi dalam masyarakat. Antara kaedah boikot yang boleh dilakukan adalah dengan tidak menyokong dan membeli produk-produk keluaran golongan LGBT yang menggunakan elemen LGBT untuk melariskan jualan mereka.

Di samping itu, kaedah boikot yang lain adalah dengan tidak menjadikan golongan LGBT ini sebagai tokoh dan rujukan masyarakat. Hal ini akan menimbulkan kepincangan terutama kepada nilai dan budaya masyarakat Malaysia yang mementingkan hidup beragama.

Oleh itu, berdasarkan permasalahan-permasalahan sebelum ini, kertas konsep ini telah mengetengahkan bahawa, boikot adalah salah satu usaha dakwah juga dan boleh dilaksanakan oleh semua pihak, dan memberikan kesan. Kesan yang sedikit apabila dilakukan oleh ramai pihak dan berterusan, ia akan memberikan kesan yang besar.

PENUTUP

Golongan LGBT dilihat menggunakan tafsiran songsang secara intensif dan manipulatif bagi mengelirukan masyarakat, malah ada usaha menggunakan pendekatan ilmiah dengan memanipulasikan ajaran agama secara salah. Selain itu, LGBT juga kerap menggunakan lorong hak asasi sebagai wasilah perjuangan dan banyak pertubuhan bukan kerajaan (NGO) pembela golongan ini ditubuhkan.

Bahkan, LGBT menggunakan saluran antarabangsa untuk memberi tekanan terhadap negara bagi membenarkan semua tuntutan luar tabii dibenarkan. Semua ini menunjukkan, tindakan tegas dan agresif perlu dilaksanakan. Malaysia mempunyai undang-undang untuk mendakwa jenayah homoseksual sama ada melalui sivil atau syariah. Namun, peranan semua pihak perlu dilakukan antaranya dengan usaha memboikot produk, majlis, seminar, persidangan dan perkumpulan mereka.

Maka diharapkan, lanjutan usaha dari kertas konsep ini, terdapat kajian lapangan dilaksanakan segera bagi menangani isu LGBT yang semakin berkembang biak. Bahkan, kajian mengenai isu ini perlu diperjelaskan dengan segera untuk meleraikan kekeliruan masyarakat mengenai Fiqh Boikot. Hal ini kerana, pemboikotan dilihat sebagai satu alternatif penyelesaian yang boleh dilakukan segenap lapisan masyarakat bagi membendung gejala songsang LGBT dan penyebarannya di Malaysia.

Oleh yang demikian, penganalisan terhadap konsep Fiqh Boikot menurut Islam hendaklah dilakukan supaya boikot yang dilaksanakan sesuai menurut kaedah yang ditetapkan syarak dan akhirnya mendatangkan banyak kebaikan berbanding keburukan.

RUJUKAN

Ab. Aziz Mohd Zin, Faisal Ahmad Shah, Mariam bt. Abd Majid & Mohd Makhi b. Adnan. 2008. *Perasaan Orang Bukan Islam Terhadap*

Laungan Suara, Bacaan Dan Aktiviti Masjid Di Negeri Selangor Darul Ehsan. Jurnal Usuluddin, 27, 109-119.

Abd Hadi Baharom. 2016. Pendekatan Dakwah Mohd Fadli Yusof Dalam Pengislaman Masyarakat Non-Muslim Di Pedalaman Pensiangan, Sabah. Tesis Doktor. APIUM, UM.

Abdul Ghafar Don & Ahmad Irdha Mokhtar. 2017. *Dakwah Dalam Pelbagai Dimensi*. Bangi: Penerbit UKM.

Abdul Munir Ismail, Zulaiha Ahmad Tajuddin. 2016. *Suatu Analisis Awal Keberkesanan Aktiviti Dakwah Terhadap Pekerja Dalam Sektor Industri*, Sultan Idris Education University.

Abu Bakr Ahmad bin al-Husain al-Bayhaqi. 1990. *Su'ab al-Iman*. Ditahqiqkan oleh Muhammad al-Sa'id Basyuni Zaghلول, no. 5075. Beirut: Dar al-Kutub al-'Alami, 7, hlm: 324.

Abu Dawud. 2004. *al-Libas*, Bab "Pada Pakaian Wanita", no. 3575. op.cit., 11, hlm: 137.

Ahmad bin Hanbal. 2001. *al-Musnad*, no 2913. op.cit., 5, hlm: 83.

Ahmad Redzuwan Mohd Yunus & Che Yusoff Che Mamat. 2003. *Pendekatan Dakwah Kepada Masyarakat India Muslim: Kajian Ke Atas Persekutuan Muslimin Indo-Malaysia* (PERMIM). Jurnal Usuluddin, 17, 137-152.

Ahmad, Haikal Anuar Adnan, Abd Satar, Wan Shahrazad Wan Sulaiman, Wan Azreena, Zainal Abidin & Wan Mohd Zain. 2015. *Faktor Dan Cara Gaya Hidup Serta Kemungkinan Kembali Pulih Dalam Kalangan Lesbian: Satu Kajian Kes*. Journal Of Social Science And Humanities. 10(1), 1-15.

Amirul Amin Lokman Hakim. 2018. Ahad 22 Julai. "LGBT: Jangan Melampau". Utusan Malaysia.

Amran Hassan & Noriah Mohamed. 2014. *Alternatif Keagamaan Dan Kaunseling: Sebagai Rawatan*

- Utama Mengatasi Permasalahan Homoseksualiti. *Journal of Human Development and Communication*. 3, 79-92.
- Anas Mohd Yunus, Anisah Ab. Ghani, Saadan Man, Mahani Mohamad & Wan Mohd Yusof Wan Chik. 2013. *An Analysis of Fiqh al-Waqi' on the Ruling of Compulsory Boycott of KFC*. *International Journal of Humanities and Social Science*. 3(1).
- Anas Mohd Yunus, Najihah Abd Wahid & Wan Saifuldin Wan Hassan. 2017. *Hukum Boikot Barangan Israel Berdasarkan Kepada Fiqh al-Jihad*. *Jurnal Pengurusan dan Penyelidikan Fatwa*.
- Ashmal Hafiz Ahmad Suhaimi & Zuraidah Sulaiman. 2013. A Conceptual Model on Boycott Intention among Malaysian Youths – An Insight into Mcdonald's. *International Conference on Education Perform and Management Innovation*.
- Asliza Musa. 2018. Sabtu 29 September. *NGO Tolak LGBT Sebagai Ikon Program*. Utusan Malaysia.
- Athirah Huda Zalhe. 2017. Rabu 11 Oktober. "Boikot Shell kerana sokong LGBT". Portal Rasmi Ismaweb.
- Atriadi. 2012. *Analisa Fatwa Yusuf Al-Qardhawi Tentang Pemboikotan Barang Produksi Israel Dan Amerika Menurut Fiqh Muamalah*. Riau: Universitas Islam Negeri Sultan Syarif Kasim Riau.
- Azhari Zainooddin & Muhamad Aimy Ahmad. 2011. Rabu 2 November. *20 NGO anjur Seksualiti Merdeka*. Utusan Malaysia.
- Badriyah. 2009. *Tinjauan Hukum Islam Terhadap Boikot Yang Dilakukan Organisasi Kemasyarakatan Islam Terhadap Produk-produk Amerika*. Surabaya: Institut Agama Islam Negeri Sunan Ampel.
- Fariza Md Sham & Azyyati Mohd Nazim. 2015. *Psychology of Da'wah to Deal Adolescents at Risk: Focusing on Spiritual Counselling*. *Jurnal Hadhari* 7(2), 63-73.
- Fatimah Ishak. 2019. Laman website, <https://www.indahnyaislam.my/2019/04/boikot-produk-promosi-elemen-lgbt/>. 14 April 2019.
- Fazallah pit. 2019. Laman web, <https://www.msn.com/en-my/news/national/numan-di-awani-zamihan-label-ph-amal-islam-rahmatan-lil-lgbt/ar-AABo0h5>. Pada 15 Mei 2019.
- Heri Sudarsono. 2008. *Telaah Dampak Boikot Produk Amerika Terhadap Perekonomian Nasional*. Jogjakarta: Universitas Islam Indonesia.
- Izham Jaafar. 2014. 13 November. *JMM Lancar Kempen Boikot Syarikat Insurans Sokong LGBT*. Utusan Online.
- Jabatan Agama Islam Selangor. 2016. *Isu Transgender: Suatu Tinjauan Umum*. Shah Alam: Cetakan JAIS.
- JAKIM. 2019. Laman di website YADIM, <https://www.yadim.com.my/v2/tak-perlu-teruskan-persidangan-promosi-lgbt/>. Pada 3 Jun 2019
- Jill Gabrielle Klein, N. Craig Smith & Andrew John. 2004. *Why We Boycott: Consumer Motivations For Boycott Participation*. *Journal of Marketing*. 68, 92-109.
- Johari Yap. 2018. Selasa 24 Julai. *Bahaya Ancaman LGBT*. Sinar Harian.
- Kamal Azmi Abd. Rahman et al. 2015. *Profil Masyarakat Melayu Malaysia di Media Sosial yang Mempromosikan LGBT*. Isu-Isu Semasa Media dan Dakwah. Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya.
- Kartini Aboo Talib @ Khalid & Nazrin Zaidi. 2017. *Etnisiti Dan Konsumerisme di Malaysia*. Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Kumarashwaran Vadevelu. 2015. *Pengetahuan Berkaitan HIV/AIDS Dan Sistem Sokongan Sosial Yang Diterima Oleh Golongan Belia Transgender Di Pulau Pinang*. Tesis Doktor Falsafah.
- Majlis Agama Islam Selangor. 2015.

- Zionis Menjerut. Shah Alam: Cetakan MAIS.
- Marziana Abd. Malib & Mimi Sofiah Ahmad Mustafa. 2014. *Gejala Transeksual: Implikasi Yang Membimbangkan, Bagaimana Keprihatinan Kita?*. Journal Of Business And Social Development. 2(2), 48-61.
- Mohamad Fakhri Mohd Ali. 2018. Isnin 29 Oktober. *Jumlah LGBT Terus Meningkat*. Sinar Harian.
- Mohamad Yusof Helmy Ramli, Rani Ann Balaraman & Mohamad Saifudin Mohamad Saleh. 2017. *Kajian Perbandingan Pemaparan Berita LGBT dalam Akhbar Cetak dan Portal Berita*. Forum Komunikasi. 12(2), 59-74.
- Mohd Aizam Mas'od. 2012. *Serangan Ideologi Barat Terhadap Pemikiran Umat Islam Dan Implikasinya Kepada Iman*. Jurnal Penyelidikan Islam. 25. Jabatan Kemajuan Islam Malaysia.
- Mohd Huzairi Bin Awang @ Husain. 2017. *Penghayatan Fardu Ain Remaja Pekak Di Malaysia*. Tesis Doktor Falsafah. APIUM, UM.
- Mohd Iskandar Othman. 2018. Selasa 7 Ogos. *Henti Promosi LGBT Di Pulau Pinang*. Sinar Harian.
- Musa Yusuf Owoyemi & Ahmad Zaharuddin Sani Ahmad Sabri. 2014. *LGBT, Nature or Ideology?: Sharing the Experience of a Former Practitioner in Malaysia*. Journal of Humanities And Social Science. 19 (12), 62-69.
- Mustaffa Abdullah. 2010. *Keruntuhan Moral Dan Penyelesaian Al-Quran Berdasarkan Kaedah Amar Makruf Dan Nahi Mungkar*. T:tp: Tpt.
- Nasrudin Hassan. 2011. Jumaat 4 November. *Seksualiti Merdeka 2011: Kembalilah kepada Fitrah*. Sinar Harian.
- Nek Mah Batri, Farahwahida Mohd Yusof, Siti Norlina Muhammad, Ahmad Muhyiddin Hassan, Mohd Nasir Ripin & Zulkiflee Haron. 2016. *Homoseksual: Antara Hukum dan Kemajuan Sains*. Sains Humanika. 8 (4), 45-54.
- Noor Hafizah Haridi, Kamal Azmi Abd. Rahman & Rosni Wazir. 2016. *Metodologi Dakwah Terhadap Golongan Lesbian, Gay, Biseksual Dan Transgender (LGBT)*. Jurnal Pengajian Islam. 9(2). ISSN 1823-7126 / e-ISSN 0127-8002.
- Norihan Zakaria & Mohamad Zain Dollah. 2012. *Fenomena LGBT Di Malaysia*. Jurnal Institut Latihan Islam Malaysia. 5. Jabatan Kemajuan Islam Malaysia.
- Nurul Husna Arshad & Zuliza Mohd Kusrin. 2015. *LGBTIQ Dan Pendirian Malaysia*. ukmsyariah.org/terbitan/wp-content/uploads/2015/09/04-Nurul-Husna-Bt-Arshad.pdf
- Nurul Husna Mansor, Khairul Hamimah Mohammad Jodi, Raihanah Abdullah & Fakhru Adabi Abdul Kadir. 2017. *Pemulihan Akhlak Di Pusat Perlindungan Wanita: Kajian Di Baitul Ehsan Dan Dar Assaadah*. Jurnal Hadhari 9 (2), 261-274. ISSN 1985-6830.
- Nurulain Abd Rahim & Razaleigh Muhamat @ Kawangit. 2018. *Perkembangan Usrah Di Malaysia Dan Kepentingannya Kepada Masyarakat: Satu Tinjauan Awal*. Jurnal At-Tahkim. 8(6). ISSN 2541-3856.
- Puteri Hayati Megat Ahmad & Nurul Hudani Md Nawi. 2015. *Latarbelakang, Faktor Pengekalan Dan Pandangan Terhadap Tingkah Laku Mahasiswa Lelaki Kecelaruhan Identity Gender*. Southeast Asia Psychology Journal. 1, 1-17.
- Rafidah Hanim Mokhtar. 2017. Jumaat 10 Mac. *Agenda LGBT Meresapi Pelbagai Media*. Berita Harian.
- Razaleigh Muhamat. 2013. *Pendekatan Dakwah Kepada Saudara Baru*. https://www.researchgate.net/publication/301894653_PENDEKATAN_DAKWAH KEPADA SAUDARA_BARU.
- Ridaudin Daud. 2018. Ahad 12 Ogos. *Kes HIV Libatkan LGBT Naik Mendadak*. Sinar Harian.

- Siti Aisyah Zakaria, Sanep Ahmad & Hairunnizam Wahid. 2015. *Boikot McDonald: Hukum Perlaksanaannya di Malaysia Dan Kesan Terhadap Guna Tenaga*. Prosiding seminar Fiqh Semasa.
- Sulaiman, Hasmiana Hasan & Hafidh Maksum. 2017. *Model Project Citizen Untuk Mengatasi Gaya Hidup Lesbian, Gay, Biseksual Dan Transgender (LGBT)*. Seminar Nasional Kemaritiman Aceh. 1, 448-454.
- Sulayman bin Ahmad bin Ayyub Abu al-Qasim al-Tabarani. 1991. *al-Mu'jam al-Awsat*. Ditahqiqkan oleh Tariq bin 'Aud Allah bin Muhammad dan 'Abd al-Muhsin bin Ibrahim al-Husaini, no, 4157. Al-Qahirah: Dar al-Haramain. 4, hlm: 266.
- Zainudin Hashim, Fakhrul Adabi Abdul Kadir & Yusmini Md. Yusoff. 2015. *Pendekatan Hasan Al-Banna Dalam Pembangunan Insan Menerusi Majmu'at Al-Rasail*. Jurnal Hadhari. 7 (2), 49-62.
- Zainul Rijal Abu Bakar. 2018. Jumaat 4 Mei. *LGBT Di Sisi Undang-Undang Negara*. Sinar Harian.

Penafian

Pandangan yang dinyatakan dalam artikel ini adalah pandangan penulis. Perdana: International Journal of Academic Research tidak akan bertanggungjawab atas apa-apa kerugian, kerosakan atau lain-lain liabiliti yang disebabkan oleh / timbul daripada penggunaan kandungan artikel ini.